



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA  
RABU , 14 MARCH 2018**

1. ELAK BAZIR, JAMIN SEKURITI MAKANAN, CETUSAN – SH, 23
2. GAGAL SELUDUP SARANG BURUNG WALET, NEGARA – KOSMO, 16
3. SOLUSI MUJARAB ATASI PADI ANGIN – SH ONLINE
4. PROJEK RM9.1 JUTA SIAP NOVEMBER INI – SH ONLINE
5. MANFAAT PROJEK TERNAKAN IKAN AIR TAWAR – SH ONLINE
6. BIG SAVINGS AT BAZAAR – THE STAR ONLINE

*UKKMOA*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

# Elak bazir, jamin sekuriti makanan



Ta'dib

NORKUMALA  
AWANG

**P**ernahkah kita terfikir, makanan yang dibuang, dibazirkan atau hilang semasa pengeluaran memberi kesan kepada jaminan sekuriti makanan?

Kadar pembaziran dan kehilangan makanan di Malaysia amat membimbangkan kerana akan menimbulkan beban kepada kerajaan dalam pengurusan sisa dan mendatangkan impak daripada pelbagai sudut seperti ekonomi, kesihatan dan alam sekitar.

Makanan mewakili komposisi tertinggi di tapak pelupusan sampah iaitu sebanyak 45 peratus.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 peratus sisa makanan masih boleh dimakan semasa dibuang.

Statistik menunjukkan setiap isi rumah di Malaysia menghasilkan sebanyak 3,000 tan metrik sehari sisa makanan yang belum disentuh dan masih boleh digunakan.

Nilai tersebut cukup untuk

memberi makan kepada dua juta manusia yang kelaparan.

Manakala di peringkat pemprosesan makanan, Malaysia kehilangan makanan hampir 28.5 peratus setiap tahun iaitu kira-kira 1/3 daripada pengeluaran makanan.

Ironinya, pada saat ramai lagi manusia yang tidak cukup makan dan mengalami kekurangan zat makanan, makanan masih banyak terbuang dan berterusan dibuang.

Dengan peningkatan penduduk dunia, permintaan terhadap bekalan makanan semakin bertambah.

Kecukupan bekalan makanan dapat dijamin dengan peningkatan pengeluaran, pengurangan kehilangan selepas penuaian dan kecukupan pengedaran dan penggunaan sumber makanan.

Penggunaan makanan melebihi daripada keperluan merupakan satu pembaziran sumber alam.

Ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan manusia bahkan turut menjejaskan kesihatan alam sekitar dan sumber alam yang lain seperti tanah, air, udara dan tenaga.

Impak tersebut membentuk satu kitaran sebab dan akibat yang akhirnya berbalik semula kepada kemerosotan kualiti kehidupan dan kesihatan manusia.

Dalam Islam, pembaziran amatlah dilarang sehinggakan ALLAH menyifatkan orang yang suka membazir adalah saudara kepada syaitan sepertimana yang terakam dalam Surah al-Isra' ayat 27.

Pembaziran dan kehilangan makanan memberi kesan kepada jaminan sekuriti makanan.

Masalah sekuriti makanan menjadi lebih serius disebabkan oleh pembaziran dan kegagalan pengurusan sumber makanan.

Situasi ketidakstabilan ini adalah disebabkan oleh masalah ketersediaan dan penggunaan makanan yang menjadi faktor jaminan sekuriti makanan sama ada di peringkat individu, isi rumah mahupun negara.

Pembaziran makanan berpunca daripada sikap dan cara berfikir seseorang manakala kehilangan makanan dipengaruhi oleh perkembangan teknologi yang diaplikasikan sepanjang rantai

bekalan makanan.

Justeru, masalah pembaziran bukan hanya berlaku di peringkat pengeluaran tetapi juga di peringkat penggunaan makanan.

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), pembaziran makanan berlaku dalam kalangan pengguna menghampiri 150 kg setahun bagi setiap isi rumah.

Hal ini sewajarnya dititikberatkan oleh setiap individu dalam menjamin sekuriti makanan supaya tidak terjejas.

Ini kerana masih ramai yang amat memerlukan sesuatu makanan demi kelangsungan kehidupan.

Disebabkan ketidakcukupan bekalan makanan, satu daripada sembilan dalam populasi dunia mengalami kelaparan manakala satu daripada tiga orang mengalami malnutrisi.

Sikap dan gaya hidup masyarakat akan menyumbang kepada keadaan sekuriti makanan.

Kehilangan makanan yang berlaku di peringkat pemprosesan perlu diminimumkan melalui usaha penambahbaikan teknologi.

Dalam kapasiti dan skala yang

lebih kecil, langkah mengatasi pembaziran di peringkat individu dan isi rumah amat penting.

Pembaziran perlu dielakkan dengan mengutamakan keperluan. Langkah kecil yang bermula dari rumah akan memberi kesan besar kepada masyarakat, negara dan alam sekitar.

Dengan kadar pembaziran dan kehilangan makanan yang berterusan tanpa ada langkah pengurangan dan perubahan kepada sikap serta gaya hidup, akan mengancam sekuriti makanan negara.

Oleh itu, setiap individu perlu ada kesedaran untuk memainkan peranan masing-masing dalam mengurangkan pembaziran seterusnya membasmi sikap yang amat merugikan tersebut.



Ruangan ini  
dikelola oleh Institut  
Kefahaman Islam  
Malaysia (IKIM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2018	KOSMO	NEGARA	16

Polis Marin tahan dua lelaki bersama rampasan bernilai RM500,000

# Gagal seludup sarang burung walet



PEGAWAI PPM menunjukkan sebahagian daripada sarang burung walet yang dirampas dalam operasi di Pelabuhan Klang kelmarin.

Oleh SUHANA MD. YUSOP

## PELABUHAN KLANG

Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya mematahkan cubaan dua sahabat menyeludup masuk puluhan kilogram (kg) sarang burung walet bernilai lebih RM500,000 di Jalan Syahbandar berdekatan Terminal Feri ASA Niaga di sini kelmarin.

Dua lelaki tempatan berusia 21 dan 44 tahun yang membawa tujuh kotak berisi sarang burung walet menaiki sebuah van itu ditahan kira-kira pukul 9.30 malam.

Difahamkan, semua bahan

seludup itu baru tiba dari Indonesia dan mahu dijual di sekitar Lembah Klang.

Timbalan Komander PPM Wilayah Satu, Superintendan Dimiri Awang berkata, bertindak atas maklumat, pihaknya telah menahan sebuah van jenis Toyota Hiace yang dipandu seorang lelaki dalam perjalanan ke bandar Pelabuhan Klang.

"Hasil pemeriksaan menemui tujuh kotak berisi sarang burung walet seberat 82kg yang disyaki diseludup dari negara jiran.

"Suspek gagal menunjukkan sebarang dokumen sah

berkaitan sarang burung walet yang dibawa mereka. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM530,000," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dimin berkata, dua lelaki berkenaan bersama van dan barang rampasan itu kemudian dibawa ke Pangkalan PPM Pelabuhan Klang di sini untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta 728 Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 kerana mengimport makanan akuakultur ke negara ini tanpa permit sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Solusi mujarab atasi padi angin?

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

13 MAC 2018

*Tapak anak pokok padi disemai Syarikat Titt Seng Sdn Bhd berkualiti tinggi dan mampu membantu petani mengurangkan ancaman padi angin menerusi kaedah penanaman mencedung moden.*



PARIT BUNTAR - Sebagai individu terlibat secara langsung dengan penyelidikan rumpai padi, Dr Azmi mengakui padi angin sebenarnya merupakan salah satu rumpai padi yang tumbuh bersama dengan padi ditanam dengan kaedah tabur terus.

Menurutnya, sifat padi angin mudah dikenali petani iaitu mudah relai biji dan bila dikupas berasnya berwarna merah apabila masak.

“Padi angin adalah sejenis padi yang sangat mudah relai. Ia menyebabkan kehilangan hasil kerana biji-bijinya akan jatuh ke tanah sebelum tanaman padi sempat dituai.

“Padi angin masak lebih awal antara 10 hingga 25 hari daripada ditanam, biji-biji padi yang relai akan tumbuh bersama dengan benih padi yang ditabur pada musim berikutnya,” katanya di sini.

Dr Azmi berkata, hasil kajian pihaknya mendapati sekurang-kurangnya 10 peratus hasil padi di setiap petak sawah terbazir dan jatuh ke tanah disebabkan proses tuaian tidak teliti setiap musim.



Kaedah penanaman padi secara mencedung di tanah ‘capcap’ membolehkan pesawah mengawal sebarang pertumbuhan padi angin.

Punca padi angin terhasil

Menurutnya, penggunaan mesin jentuai sedia ada sebenarnya tidak sesuai untuk menuai hasil padi kerana jentera itu asalnya digunakan menuai hasil gandum.

“Kesannya proses menuai menjadi lebih kasar dan menyebabkan banyak hasil padi tidak dapat diproses, sekaligus jatuh ke tanah.

“Ancaman padi angin serius melebihi 20 peratus boleh mengakibatkan tanaman padi rebah, sekaligus menyebabkan kerugian hasil padi secara menyeluruh.

“Apabila petani tidak melaksanakan proses penyediaan tanah dengan baik, sawah padi mereka akan terdedah serangan padi angin dari musim ke musim,” katanya.



Penggunaan mesin Mini Jentanam memastikan kerja penanaman padi secara mencedung dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan.

Dr Azmi berkata, senario serangan padi angin kurang berlaku pada sekitar tahun 60-an hingga 80-an apabila aktiviti penanaman padi menggunakan tangan atau ‘mencedung’ diaplikasikan petani.

Menurutnya, padi angin sukar tumbuh apabila anak padi ditanam di dalam sawah yang dibanjiri air.

“Cuma pada masa itu, pengusaha padi memerlukan tenaga kerja yang ramai menyiapkan satu ekar sawah dan keadaan itu amat memakan masa.

“Ditambah kebanjiran golongan muda berhijrah ke kawasan bandar untuk mencari pekerjaan dalam sektor perindustrian, kaedah tabur terus diperkenalkan bagi memudahkan petani,” katanya.

Penyediaan tanah sawah betul

Dr Azmi berkata, masalah serangan padi angin sebenarnya mampu dibendung sekiranya petani memfokuskan kepada usaha penyediaan tanah mengikut kaedah betul.

Menurutnya, tindakan bersepadu diperlukan bermula dengan penyediaan tanah rapi, penggunaan benih tulen, varieti kompetitif, pilihan kaedah pertapakan tanaman, pengurusan air yang baik dan kawalan secara manual seperti aktiviti penakaian.

"Paling utama dalam aktiviti penanaman padi adalah 80 peratus padi angin boleh dikawal melalui tumpuan petani dalam proses penyediaan tanah meliputi aktiviti memotong jerami dan buat pembakaran terkawal bagi mengurangkan benih padi angin di permukaan dan dalam tanah.

"Kemudian, petani perlu menyembur racun rumpai pra-tanam untuk kawalan padi batat di sawah dan rumpai di batas perlu selalu dikawal di samping memastikan kerja membajak bertempoh sebanyak tiga kali serta perataan tanah dilaksanakan," katanya.

Tiga strategi kawalan padi angin

Selain itu, Dr Azmi menegaskan terdapat tiga strategi kawalan padi angin yang berkesan iaitu aktiviti mencedung, tabur terus di dalam air atau tabur terus basah menggunakan sistem pengeluaran Clearfield.



Sebahagian pekerja sedang menyediakan anak pokok padi yang siap disemai untuk diedarkan kepada pengusaha padi dalam bentuk 'tray'.

Menurutnya, daripada keseluruhan strategi itu, sistem pengeluaran Clearfield dianggap paling efektif dan mengurangkan kos berbanding kaedah penapakan tanaman lain.

"Sistem Pengeluaran Clearfield itu terbentuk bermula hasil proses kacukan silang baka padi import dan tempatan yang akhirnya menghasilkan dua jenis baka dikenali sebagai padi MR 220CL1 dan MR 220CL2 sejak 2003 di Pusat Penyelidikan Padi, Mardi Seberang Perai.

"Kedua-dua baka baik itu kemudiannya digabungkan pula dengan racun herba Imidazolinone (OnDuty) seterusnya menghasilkan sistem tanaman padi tersebut," katanya.

Dr Azmi berkata, sistem tanaman padi hasil kajian Mardi bersama sebuah syarikat kimia antarabangsa (BASF) sejak 2002 itu sepatutnya menjadi penyelesaian terbaik kepada masalah padi angin yang sememangnya dinantikan petani.

Punca sistem tidak efektif

Bagaimanapun, penggunaan benih padi tidak sah dan amalan sistem pengeluaran Clearfield yang tidak mengikut garis panduan ditetapkan menyebabkan petani masih gagal membendung serangan padi angin sehingga kini.

"Terdapat segelintir petani membeli benih padi MR220CL tidak sah kerana cuba hendak menjimatkan kos racun, memandangkan penggunaan sistem pengeluaran Clearfield mensyaratkan benih padi MR220CL mesti dibeli dengan racun herba Imidazolinone.

"Cubaan kaedah tanaman tabur terus menggunakan benih padi MR220CL tidak sah tidak mendapat hasil diharapkan kerana penggunaan racun tiruan tidak mampu membunuh padi angin," katanya.

Mencedung moden kembali popular

Sementara itu, kaedah mencedung secara moden kini kembali dipopularkan seorang usahawan muda, Jackie Yip Eng Seng bagi tujuan mengatasi masalah padi angin di seluruh negara.

Melalui syarikatnya, Sitt Heng Sdn Bhd yang berpusat di Kuala Kurau, Jackie memberi tumpuan kepada usaha mengeluarkan dan membekalkan anak semaian padi berkualiti kepada pengusaha tanaman padi negara sejak 2005.

"Melalui kaedah mencedung, jumlah penggunaan benih agak menjimatkan apabila bagi penanaman sehektar sawah, hanya 65 kilogram benih digunakan berbanding 150 kilogram bagi keluasan sama untuk kaedah tabur terus.



Usaha menghasilkan tanaman padi berkualiti dan hasil banyak mampu dicapai melalui amalan mencedung moden dan sistem pengeluaran Clearfield.

"Kaedah mencedung sudah terbukti mampu membendung serangan padi angin pada zaman dahulu dan saya fikir ia perlu dipopularkan kembali kerana ia memastikan pokok padi memperoleh ruang mencukupi bagi menyerap nutrien.

"Selain itu, ia dapat mengurangkan infestasi rumput sambau dan padi angin, kos meracun rumpai, masalah pokok padi rebah di samping memudahkan kerja pengurusan sawah," katanya.

Jackie berkata, kaedah mencedung menggunakan jentera dilihat satu pilihan tepat kerana lebih tepat dan pantas, terutama dengan penggunaan peralatan khas dikenali mesin Jentanam.

"Jentera itu boleh digunakan dalam pelbagai situasi tanah sama ada tekstur lembut atau kering di samping kos pembelian lebih murah.

"Bagaimanapun, masih terdapat persepsi kononnya amalan sistem mencedung secara moden ini mengakibatkan kos lebih tinggi dan tanggapan itu tidak betul kerana sistem itu sebenarnya menjimatkan kos untuk jangka masa panjang selain menggandakan hasil padi," katanya.

Sentimen sama disokong seorang tokoh pengusaha padi terkemuka daerah Kerian, Sabran Abdul Halim, 72, yang kini sedang mengusahakan kembali amalan mencedung moden di tanah sawahnya seluas 80 hektar sejak dua musim lalu.

Menurutnya, amalan itu terbukti berjaya membendung masalah padi angin, di samping memastikan hasil pengeluaran padinya meningkat daripada tiga tan metrik sehektar sehingga mencecah tujuh tan metrik sehektar.

"Dahulu, saya memang mengamalkan kaedah tanaman padi secara mencedung, namun disebabkan keperluan tenaga kerja dan masa yang banyak, saya beralih kepada kaedah tabur terus.

"Namun, apabila kaedah itu dilihat mengundang permasalahan padi angin yang semakin serius, saya beranikan diri untuk kembali kepada amalan mencedung moden sebagaimana disarankan Jackie dan hasilnya ternyata memuaskan," katanya.

Sabran berkata, pada awalnya, kos amalan mencedung moden mungkin dilihat lebih tinggi daripada kaedah penanaman padi yang lain.

Namun, apabila mengambil kira kos keseluruhan termasuk usaha mengawal padi angin, amalan mencedung moden sebenarnya lebih efektif, jimat dan memudahkan usaha memantau kewujudan padi angin di sawah padi.

"Sehingga kini, saya sudah membeli empat mesin mini jentanam dan merancang untuk menambah dua lagi jentera itu bagi meningkatkan keberkesanan kerja menanam anak semaian padi," katanya.

Golongan pesawah perlu ubah mentaliti

Sabran berkata, golongan pesawah di negara ini perlu mengambil serius kaedah penanaman padi yang mampu mengawal serangan padi angin seperti amalan mencedung moden dan kaedah sistem pengeluaran Clearfield.

"Mentaliti pesawah perlu berubah dan mereka tidak boleh terus menggunakan sistem kaedah sama dengan mengharapkan inisiatif membendung serangan padi angin ditangani oleh kerajaan semata-mata.

"Sudah tiba masanya golongan pesawah melakukan anjakan paradigma dan mencuba pendekatan baharu dalam sistem penanaman padi mereka sekiranya mahukan hasil pengeluaran padi meningkat.

"Selain itu, mereka juga perlu berubah sikap dan lebih fokus dalam mengusahakan tanaman padi dengan mematuhi kaedah penanaman padi disyorkan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Mardi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Projek RM9.1 juta siap November ini

NORADILA MAHAMAD  
13 MAC 2018



*Badrul (kanan) bertanya sesuatu kepada salah seorang petani di Kampung Jelapang ketika mengadakan lawatan tapak projek di situ.*

SETIU - Kerja-kerja menaiktaraf skim pengairan Kampung Jelapang bernilai kira-kira RM9.1 juta akan siap November ini.

Timbalan Ketua Setiusaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA), Badrul Hisham Mohd berkata, projek di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri itu merangkumi pelbagai aspek kerja.

Menurutnya, manfaat projek itu nanti akan memberi keselesaan kepada lebih kurang 200 orang petani.

"Projek itu termasuklah kerja-kerja menaiktaraf sistem pengairan, membaiki kerosakan struktur-struktur dalam skim pengairan jelapang, membina spillway dan membersihkan bendang dengan mengeluarkan kayu-kayu bersaiz besar.

"Kerja-kerja ini sedang berjalan sejak Disember 2016 lagi dan akan disiapkan pada 13 November tahun ini, di mana petani akan dapat menanam padi dengan keluasan 735 hektar secara keseluruhannya," katanya ketika lawatan ke tapak projek, di sini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) Putrajaya, Ir Ahmad Darus; Timbalan Pengarah JPS Negeri Terengganu, Osman Abdullah; Pegawai Daerah Setiu, Rosdi Awang; Adun Langkap, Datuk Sabri Mohd Nor dan Jurutera JPS Daerah Setiu, Aisyah Abu Bakar.

Badrul berkata, lawatan itu bertujuan memantau perjalanan projek serta memastikan ia berjalan mengikut jadual.

Tambahnya, ia juga sebagai usaha mendengar sendiri permasalahan yang berlaku di kawasan berkenaan yang memungkinkan penyelesaian dibuat dengan kadar segera.

Dalam masa sama, Badrul menyarankan penyemakan semula 'PH tanah' untuk proses pengkapuran tanah supaya sesuai bagi penanaman padi dengan cepat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Manfaat projek ternakan ikan air tawar

NURUL ZAILA MOHD TAHIR  
13 MAC 2018



*Lebih RM 17000 dikutip hasil tuaian kali pertama kolam tersebut.*

DUNGUN \_ Projek ternakan ikan air tawar di kolam ikan kampung Padang Pian, Pasir Raja dijangka akan menyumbang sebanyak 20 tan sumber protein setahun untuk negeri ini.

Projek agrokultur tersebut digerakkan oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) untuk membantu menjana pendapatan penduduk di kawasan pedalaman , sekaligus memenuhi keperluan sumber protein.

Timbalan Pengerusi Ketengah, Datuk Din Adam berkata, seramai 16 penduduk dipilih untuk mengusahakan kolam ikan talapia itu.

Menurutnya, projek berkenaan bermula Julai 2017 dan tuaian kali pertama sudah dibuat bermula Januari 2018.

“Jumlah hasil tuaian kali pertama yang dibuat mencecah RM17,000 dan ia menunjukkan satu pencapaian positif.

“Kita sasarkan projek ini akan menyumbang sebahagian besar sumber protein untuk negeri ini, sekaligus menambah pendapatan penduduk.

“Proses menuai akan dilakukan secara berterusan mengikut tempoh matang dan keperluan serta kita harapkan hasil akan terus meningkat,” katanya ketika program santai bersama penduduk Pasir Raja, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Ketengah, Omar Ismail.

Beliau berkata, permintaan ikan air tawar dijangka meningkat terutama ketika musim tengkujuh dan ia satu berita baik buat penternak spesies ikan tersebut.

“Harga ikan segar tidak stabil ketika musim tengkujuh dan ada kalanya meningkat mendadak menyebabkan orang ramai beralih kepada ikan air tawar.

“Memandangkan projek ini mempunyai potensi untuk dikembangkan, usaha dan komitmen peserta perlu ditingkatkan lagi sehingga menjadi satu industri komersial di Terengganu,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2018	THE STAR	ONLINE	

## Big savings at bazaar

Tuesday, 13 Mar 2018



**Mah (fourth from left) mingled with the visitors and merchants during the Jualan Sentuhan Rakyat grand bazaar event.**

AROUND 2,500 Teluk Intan folk flocked to the Jualan Sentuhan Rakyat bazaar event eager to shop for goods at low prices.

Held at the Community Economy Centre in Kampung Padang Tembak, Teluk Intan MP Datuk Seri Mah Siew Keong arrived at 9am last Sunday to join the massive crowd.

He said the bazaar, in its second edition, saw around 300 more people compared to 2,200 visitors during the bazaar's inaugural launching February.

"This programme was designed to alleviate the burden of cost of living, especially for the low-income group.

Mah added that the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (KPDNKK) played a key role in subsidising the products offered at the bazaar.

Thus, the subsidy allowed various goods to be sold at a rate of 10 to 20 percent cheaper than the market price.

"The product experiencing the largest price cut was poultry, offered at RM6.80 per kg by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA).

"Another agency, the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), offered fresh fish, and were the first stall to sell out all their products," he said.

Aini Izzah Kassim Ali, a 54-year-old patron from Taman Muhibbah Batu 6 expressed her wish for the programme to be held monthly from now on.

Others at the programme also shared the same sentiment.

"During the previous event, all of our products were sold out. We are anticipating the same response this time around", said Mohd Fais Zafar, one of the participating merchant.

He was offering KPDNKK-subsidised Beras Juara's 5kg and 10kg rice at RM22 and RM11, respectively. With another overwhelming response from the crowd, Ma announced that he would further discuss with respective organisations including FAMA and LKIM and local supermarkets to conduct another installment of the programme within this month.